**SOALAN LAZIM**
**KEMPEN WAKAF ASNB MELALUI PLATFORM myASNB**

<table>
<tr><th>NO.</th><th>SOALAN</th><th>JAWAPAN</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Apakah Kempen “Wakaf ASNB melaui platform myASNB”?</td><td>Kempen bertujuan menggalak Peserta untuk mendaftar Wakaf ASNB melalui portal myASNB melalui pelaburan unit amanah untuk tujuan kebajikan yang akan disalurkan kepada projek-projek wakaf yang dikenal pasti di seluruh negara yang bermatlamatkan pembangunan masyarakat dan ummah.</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Apakaj promosi yang ditawarkan oleh Kempen ini?</td><td>Kempen ini menawarkan Unit Amanah Harga Tetap bernilai Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50), terhad kepada dua ratus (200) pendaftaran pertama</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Bilakah Tempoh Kempen?</td><td>Tempoh Kempen dilanjutkan daripada 15 Oktober sehingga 31 Disember 2023</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Siapakah yang boleh menyertai Kempen ini?</td><td>1. Kempen ini terbuka kepada pemegang-pemegang unit ASNB yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas (“Peserta”) yang layak mendaftar Wakaf ASNB, iaitu perkhidmatan baharu yang menyediakan platform untuk Peserta mewakafkan sebahagian daripada pelaburan unit amanah mereka.<br>2. Pewakaf yang pertama kali mendaftar Wakaf ASNB sejak perkhidmatan Wakaf ASNB diperkenalkan.<br>3. Pendaftaran Wakaf ASNB hendaklah dilaksanakan melalui platform myASNB dan mesti dilaksanakan semasa Tempoh Kempen.</td></tr>
<tr><td>5</td><td>Apakah mekanisme Kempen?</td><td>1. Pewakaf yang pertama kali mendaftar Wakaf ASNB sejak perkhidmatan Wakaf ASNB diperkenalkan melalui platform myASNB dengan minimum Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) melalui mana-mana tabung unit amanah ASNB Harga Tetap.<br>2. Ganjaran adalah terhad untuk 200 Pewakaf yang terawal dan setiap Pewakaf hanya berhak untuk satu Ganjaran sahaja.<br><br>** Terpakai untuk Pendaftaran Baharu sahaja.<br><br><table><tr><th rowspan="2">No</th><th colspan="2">Kriteria Kelayakan Pendaftaran Wakaf ASNB</th></tr><tr><th>Pewakaf Baru</th><th>Pewakaf Sedia ada</th></tr><tr><td>1.</td><td>✔</td><td>✘</td></tr></table><br>Anda juga digalakkan membaca Terma dan Syarat untuk memahami mekanisma kempen ini.</td></tr>
<tr><td>6</td><td>Bolehkah saya menyertai kempen ini sekiranya saya telah mendaftar wakaf sebelum ini?</td><td>Tidak boleh. Hanya Pewakaf yang pertama kali mendaftar Wakaf ASNB sejak perkhidmatan Wakaf ASNB diperkenalkan sahaja yang layak menyertai kempen ini.</td></tr>
<tr><td>7</td><td>Bolehkah saya menyertai Kempen ini jika saya bukan pengguna berdaftar portal atau aplikasi myASNB?</td><td>Anda perlu menjadi pengguna berdaftar portal atau aplikasi myASNB. Anda boleh mendaftar di www.myasnb.com.my.<br><br>Untuk pelabur sedia ada, pastikan anda telah mengemaskini nombor telefon bimbit anda di mana-mana cawangan atau ejen ASNB sebelum mendaftar myASNB.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>NO.</th><th>SOALAN</th><th>JAWAPAN</th></tr>
<tr><td>8</td><td>Adakah saya boleh mengeluarkan atau menarik balik unit yang telah diwakafkan?</td><td>Tidak boleh. Wakaf ASNB adalah wakaf muabbad iaitu bersifat kekal di mana unit-unit yang diwakafkan tidak boleh dipulangkan semula, dibatalkan atau dibuat pindaan.<br><br>Unit-unit yang diwakafkan akan dipindah milik ke akaun MAIWP (selaku pemegang amanah) secara serta merta.</td></tr>
<tr><td>9</td><td>Apakah dana unit amanah yang dibenarkan untuk transaksi Wakaf ASNB semasa kempen ini?</td><td>Hanya dana harga tetap ASNB sahaja yang dibenarkan untuk melaksanakan Wakaf ASNB semasa kempen ini.<br><br>1. Amanah Saham Bumiputera (“ASB”)<br>2. Amanah Saham Bumiputera 2 (“ASB 2”)<br>3. Amanah Saham Bumiputera 3 (“ASB 3”)<br>4. Amanah Saham Malaysia (“ASM”)**<br>5. Amanah Saham Malaysia 2 (“ASM 2”)**<br>6. Amanah Saham Malaysia 3 (“ASM 3”)**</td></tr>
<tr><td>10</td><td>Bila dan bagaimana pemenang akan diumumkan?</td><td>1. Pemenang akan dipilih melalui sistem berkomputer yang dikendalikan oleh ASNB berdasarkan kriteria kelayakan yang ditetapkan.<br>2. Senarai Pemenang akan dimaklumkan oleh AWSB melalui e-mel berdasarkan alamat e-mel berdaftar Pewakaf melalui sistem yang dikendalikan oleh ASNB.<br>3. Jadual pengumuman pemenang adalah seperti di bawah:
<table>
<tr><th>KATEGORI HADIAH</th><th>JADUAL PENGUMUMAN</th></tr>
<tr><td>Unit Amanah Harga Tetap bernilai Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50)</td><td>Disember 2023</td></tr>
</table>
4. Pemilihan pemenang adalah muktamad.</td></tr>
<tr><td>11</td><td>Bagaimanakah ganjaran akan dikreditkan jika ASB/ASB2 saya telah mencapai had pelaburan maksimum?</td><td>Bagi Pewakaf yang mendaftar Wakaf ASNB menggunakan akaun unit amanah ASB/ASB2 dan telah mencapai had pelaburan maksimum, unit amanah akan dikredit berdasarkan urutan dana berikut ASB3, ASM, ASM2, ASM3.</td></tr>
<tr><td>12</td><td>Bagaimanakah ganjaran akan dikreditkan jika ASB/ASB2 saya telah mencapai had pelaburan maksimum dan saya tidak mempunyai sebarang dana harga tetap ASNB yang lain?</td><td>Jika Pewakaf tidak mempunyai sebarang akaun unit amanah dana harga tetap lain, AWSB akan menghubungi dan memaklumkan Pewakaf untuk ke Cawangan ASNB / ejen ASNB yang sah / platform myASNB untuk membuat pelaburan permulaan dalam dana harga tetap ASNB yang baharu bertujuan untuk pengkreditan ganjaran.<br><br>Nota: Pewakaf perlu memastikan nombor telefon dan/atau alamat emel di myASNB adalah yang terkini</td></tr>
</table>

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 13 | **Berapa lama garis masa yang diberikan untuk saya membuat pelaburan permulaan dalam dana harga tetap ASNB baharu jika ASB/ASB2 saya telah mencapai had pelaburan maksimum dan saya tidak mempunyai dana harga tetap ASNB lain untuk ganjaran dikreditkan?** | Pewakaf perlu membuat pelaburan permulaan dalam dana harga tetap ASNB baharu dalam tempoh empat (4) minggu, dan AWSB mengikut budi bicara mutlaknya, berhak untuk membatalkan ganjaran jika Pewakaf gagal melakukannya. |
| 14 | **Bagaimana untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai kempen ini?** | Anda boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di 03 -7730 8899 atau melalui e-mel di asnbcare@pnb.com.my untuk maklumat lanjut.<br><br>*Anda juga digalakkan membaca Terma dan Syarat untuk memahami mekanisma kempen ini.* |